

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 16/10/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 47

Tajuk : Sektor koperasi perlu lebih dana

Sektor koperasi perlu lebih dana

Oleh AKMYR SYAHAR AZWAR

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 15 Okt. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) memohon kerajaan memberi peruntukan sebanyak RM300 juta dalam pembentangan Bajet 2019 untuk mencapai sasaran sumbangan perolehan koperasi sebanyak RM50 bilion menjelang 2020.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, peruntukan itu juga harus diberikan secara terus kepada Angkasa dan bukan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atau Koperasi Jayadiri Malaysia Bhd. (Kojadi) seperti sebelum ini.

Beliau berkata, sasaran RM50 bilion di bawah Dasar Koperasi Negara 2011-2020 mungkin sukar untuk dicapai sekiranya permohonan itu tidak dipenuhi kerana setakat 2017, sektor koperasi hanya menyumbang sebanyak RM40 bilion kepada negara.

“Untuk Bajet 2019, kita minta kerajaan sebanyak RM300 juta untuk melaksanakan program dan aktiviti bagi meningkatkan nilai dagangan gerakan koperasi. Kita juga minta supaya peruntukan itu diserahkan dan diurus oleh Angkasa dan bukan SKM atau Kojadi.

“Sebelum ini, peruntukan han-

ya RM50 juta diberi kepada SKM dan RM50 juta lagi kepada Kojadi, keseluruhannya berjumlah RM100 juta. Jika ini kekal, mungkin sukar untuk kita tambah sumbangan perolehan koperasi lagi RM10 bilion dalam tempoh hanya dua tahun,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara Virtualflex Sdn. Bhd. (Virtualflex) dengan Asean Co-operative Organization (ACO) di sini hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Virtualflex, Jamaludin Md Ali, Ketua Pegawai Eksekutifnya, Norsiah Juriani Johari dan Ketua Setiausaha ACO, Datuk Paduka Hanapi Sulliman.

Peruntukan tersebut akan digunakan untuk membangunkan lapan sektor yang telah dikenal pasti termasuk kewangan dan perbankan, kesihatan dan pelancongan, pertanian, perladangan, peruncitan dan pemborongan, hartanah, inovasi dan komuniti.

Dalam pada itu Norsiah berkata,

kerjasama antara Virtualflex dan ACO tersebut adalah untuk menawarkan kemudahan kad tanpa tu-

nai KA\$H Prepaid Mastercard kepada semua ahli koperasi di bawah ACO yang berjumlah 64 juta ahli di ASEAN.

Menurut beliau, sejak dilancarkan pada Mei lalu, KA\$H sehingga kini mempunyai seramai 5,000 pengguna aktif, malah angka itu dijangka meningkat mencecah 100,000 menjelang 2019.

“Selain menawarkan pelbagai manfaat, KA\$H juga memberikan kemudahan tanpa tunai seperti dompet mudah alih, pembayaran kad prabayar serta transaksi dalam talian yang mudah, cepat dan selamat untuk mengembangkan sektor koperasi negara.

“KA\$H mampu dikreditkan hingga RM20,000, dan pelanggan boleh menggunakannya untuk pengeluaran atau pemindahan wang selain mendapat diskaun atau pulangan tunai sehingga 15 peratus dengan rakan niaga terpilih seperti KFC dan Lazada,” katanya.



ABDUL FATTAH



JAMALUDIN MD ALI

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA